

Bil. S 20

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL (PINDAAN), 2016**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran
  2. Pindaan bab 6 dari S 39/2005
  3. Pindaan bab 9
  4. Pindaan bab 12
  5. Pindaan bab 43
  6. Pindaan bab 46
  7. Pindaan bab 50
  8. Pemansuhan Jadual-Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga
  9. Pindaan Jadual Keempat
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL (PINDAAN), 2016**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

**Gelaran**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2016.

**Pindaan bab 6 dari S 39/2005**

2. Bab 6 dari Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam ceraiian (1), dengan memotong “Jadual Keempat dibayar, mengeluarkan suatu Sijil Halal dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama” dari baris kedua dan ketiga akhir dan menggantikannya dengan “Jadual dibayar, mengeluarkan suatu Sijil Halal, dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis,”.

**Pindaan bab 9**

3. Bab 9 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian (2), dengan memotong “bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Kedua” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis”.

**Pindaan bab 12**

4. Bab 12 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian (1), dengan memotong “Jadual Keempat dibayar, mengeluarkan suatu permit dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga” dari baris keempat dan kelima dan menggantikannya dengan “Jadual dibayar, mengeluarkan suatu permit, dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis,”.

**Pindaan bab 43**

5. Bab 43 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian (5), dengan memotong “Jadual Keempat dibayar, Majlis hendaklah mengeluarkan suatu permit dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga” dari baris kedua dan ketiga akhir dan menggantikannya dengan “Jadual dibayar, Majlis hendaklah

mengeluarkan suatu permit baru, dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.”.

**Pindaan bab 46**

6. Bab 46 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong “Keempat” dari baris ketiga akhir.

**Pindaan bab 50**

7. Bab 50 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab, dengan memotong “Schedules” dan menggantikannya dengan “Schedule”;

(b) dengan memotong “Jadual-Jadual” dari baris terakhir dan menggantikannya dengan “Jadual”.

**Pemansuhan Jadual-Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga**

8. Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual-Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga.

**Pindaan Jadual Keempat**

9. Jadual Keempat kepada Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam tajuk, dengan memotong “KEEMPAT”;

(b) dalam peruntukan rujukan bab, dengan memotong “dan 46(1)” dan menggantikannya dengan “, 46(1) dan 50”.

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 9 haribulan April, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM